Enche' Tan Siew Sin: Mr. President, Sir, this Bill is consequential on the previous Bill to establish a Totalisator Board, but the opportunity has been taken to make amendments to enable the Minister of Finance to vary the duty both on bets and sweepstakes subject to maxima of twenty per cent and thirty per cent respectively.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr. President *in the Chair*)

Clauses 1 to 5 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE GUARDIANSHIP OF INFANTS BILL

Second Reading

Tun Leong Yew Koh: Mr. President, Sir, I beg to move that a Bill intituled "An Act to provide for the Guardianship of infants" be read a second time.

I would refer the House to the explanatory statement at the end of this Bill which sets out its purpose with commendable brevity. I have nothing to add except to emphasise that the provisions of the Bill do not apply to

Muslims unless and until they are accepted by the State Governments. Some Honourable Members will recall that an attempt was made to introduce legislation a few years ago in the old Federal Legislative Council, but nothing came of it because it was not clear that Muslims would not be affected. Under our new constitutional arrangements this difficulty no longer arises, and I accordingly commend the proposal to this House. If, on the other hand, the various Councils of Muslim Religion in the States feel it appropriate to extend any or all of its measures to Muslims, it is open to them to do so through legislative action in their Legislative Assemblies of their State Governments.

Engku Muhsein: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Enche' Mohamed Zahir: Tuan Yang di-Pertua, pada kali yang pertama ini-lah Kerajaan telah meluluskan satu Undang² yang sa-umpama ini yang membolehkan orang² Islam masuk mengambil munafa'at di-bawah-nya. Pada masa dahulu sa-tahu saya, Adoption Ordinance atau Undang² Anak Angkat di-mana di-adakan satu syarat di-dalam Undang² itu ia-itu orang² yang beragama Islam tidak dapat munafa'at di-bawah Undang² itu. Pada kali ini Kerajaan kita telah mengeluarkan satu Undang² ia-itu menyatakan benda² atau pun perkara² yang tidak berchangghah dengan Undang² Islam maka Undang² itu tidak di-pakai. Saya perchaya perjalanan ini ada-lah sangat bagus.

Perkara yang kedua, saya merasa churiga ia-itu di-bawah section 1 (2), benda ini terpulang-lah kepada Kerajaan² Negeri sama ada Kerajaan Negeri itu hendak menerima Undang² ini atau tidak. Saya rasa Kerajaan² Negeri barangkali terlambat atau pun terlalai daripada meluluskan Undang² ini di-dalam Majlis Meshuarat mereka masing². Yang demikian saya rasa, sangatlah mustahak jika sa-kira-nya Kerajaan Persekutuan mengesakkan Kerajaan² Negeri supaya meluluskan Undang² ini dengan segera supaya orang² Melayu dapat munafa'at yang banyak di-bawah Undang² ini.

Dan sa-perkara lagi bersangkutan dengan Undang² ini ia-itu sa-bagaimana saya sebutkan tadi, berkenaan dengan Undang² Pesaka Kechil yang di-adakan satu syarat tidak boleh di-kenakan kapada orang² Islam jika sa-kira-nya orang² Islam atau warith² mereka itu tidak bersetuju hendak menjual pesaka atau tanah² yang sangat kechil itu. Dan lagi berkenaan dengan Adoption Ordinance atau Undang² Anak Angkat yang tidak di-kenakan kapada orang² Islam. Saya rasa, Undang² itu di-adakan perkataan² dalam Undang² ini yang di-kehendaki setakat mana yang tidak berchanggah dengan ugama Islam maka Undang² itu patut di-pakai, sa-kira-nya Kerajaan fikir chara bagini orang² Islam boleh mendapat munafa'at-nya di-bawah Undang² itu.

Tun Leong Yew Koh: Sir, unfortunately under the Constitution, we cannot legislate for Muslims.

Enche' Mohamed Zahir: Sir, on a point of clarification, I am not asking the Federal Government to legislate on matters affecting Muslim religion. But I am just asking the Government to urge the State Governments to expedite legislation through their respective legislative bodies. I am not asking this body or the Federal Government to do it.

Tun Leong Yew Koh: Sir, certainly we will do that. It is open to legislative action in the Legislative Assembly of the State concerned.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr. President *in the Chair*)

Clauses 1 to 22 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE CONTROL OF SUPPLIES BILL

Second Reading

Tun Leong Yew Koh: Mr. President, Sir, I beg to move that a Bill intituled "An Act to provide for the control and rationing of supplies" be read a second time.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Sir, I beg to second the motion.

The Assistant Minister of Commerce and Industry (Enche' Cheah Theam Swee): Mr. President, Sir, this proposed piece of legislation is a defence measure for meeting any considerable threats to the country's economy as regards supplies and the prices of commodities.

Sir, I would like to assure this House, as I have assured the Dewan Ra'ayat that the powers contained in this Bill are not meant for normal conditions. However, you will find that a small measure of the powers enacted in the Bill will be exercised in normal times. These powers are in respect of the licensing of rice-mills and padi purchasers, the control of the movements of padi, the licensing of wholesale and retail dealers in rice. The powers of licensing and control are necessary with regard to rice, because they are related to the Government guaranteed price of padi, the padi purchase scheme and the operation of the Government's reserved stock of rice.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr. President *in the Chair*)

Clauses 1 to 30 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Schedule ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE MINOR OFFENCES (AMENDMENT) BILL

Second Reading

Tun Leong Yew Koh: Sir, I beg to move that the Minor Offences (Amendment) Bill be read a second time.

Sir, I would draw the attention of Honourable Members to the amendments made in the Dewan Ra'ayat to this Bill, that is, clause 2 has been amended by the deletion of sub-section (5) of section 7 and the insertion of a new sub-section (5); also a new sub-section (6); and also a new clause 3.

Engku Muhsein: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Enche' Athi Nahappan: Mr. President, Sir, this Bill aims to attach absolute liability to the owners of dogs. As far as I can remember, the law makes a distinction between wild animals and domestic animals, and it has been accepted in almost every country that the dog is a domestic animal and good friend of the human being. So far as wild animals are concerned, the absolute liability is there for the owner, because if I am keeping in my house a tiger or a monkey and if a guest comes to my house, it is my duty to see that the guest is protected from the unwarranted springing of this animal that I keep. In the case of a domestic animal, the law is that I must have some knowledge of the vicious propensity of the animal. But unfortunately now, in view of the frequent occurrences that we have read in the newspapers, absolute liability is being attached to dog owners and if there should be an attack by a dog, the owner is made automatically liable to a fine and also to a compensation.

Sir, clause 7 does not make any mention as to the time. It merely says—

"The owners of every dog which shall cause injury to any person shall be liable. . . .".

Mr. President, these days we are faced with too many thefts, too many burglaries and it is usually the desire of the people who keep dogs to let the dogs loose during the night hours. There is no mention at all as to time in this clause. It is not very helpful in view of the situation that we are facing these

days. I think there should be some reference to time made, and also it is necessary that there should be some proof before a man can be convicted and fined, or asked to pay compensation. If he keeps a ferocious dog, then, of course, he must be made to pay compensation, or alternatively fined.

As to sub-clause (4), Sir, it says—

"No compensation shall be payable to any person under this section in respect of injury sustained in any house or premises except upon proof that he entered such house or premises in the ordinary course of his duties or with the express or implied permission of the occupier".

Sir, it says "any person in the course of his duty". Now, if a peddler or hawker comes to my house during the day-time or in the evening hours and he wants to sell something to me or anybody in my house, he may consider it is his duty to come to my house. But so far as I am concerned, I am not obliged to buy from him, and why should I be made liable if he comes into my compound without my permission. Duty in this sense must be correlated. I can understand if a Government servant comes. If the words "any person" is confined to Government servants who come to my house in the course of their duty, then I should be made liable if I know that my dog has a vicious propensity. Otherwise I should not be made liable. That amendment, I think, Sir, is very necessary. Otherwise, any Tom, Dick and Harry may just walk into the house or into the compound of the house at any time of the day or night thinking that he has a duty to perform from his point of view which may not be acceptable from my point of view.

Enche' J. E. S. Crawford: Mr. President, Sir, I fully support what my Honourable friend Mr. Athi Nahappan has said. There is one point: there seems to be no mention as to whether the attack by the dog was provoked or unprovoked. If a postman comes into my compound and swings his bag at the dog and the dog attacks him, Sir, am I liable? (*Laughter*).

The Assistant Minister of Commerce and Industry (Enche' Cheah Theam Swee): Mr. President, Sir, if the Honourable Mr. Athi Nahappan had been

pleading before the court—as he thought he was just now—I am sure he would have been rapped by the Bench (*Laughter*). If he looks at the amendment note, which was circulated to the Members of this House, he will find that his point was considered by the Select Committee selected by the House of Representatives to go into this question, and after the Select Committee had met we came to the conclusion that that clause should be amended to say that if the injury sustained by a person was caused by his own wrongful act, then the owner of the dog should not be liable, and I believe this amendment should be quite clear.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr. President *in the Chair*)

Clauses 1 and 2 ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

ADJOURNMENT

Tun Leong Yew Koh: Sir, I beg to move that the House do now adjourn to 9.30 a.m. tomorrow morning.

Enche' T. H. Tan: Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Adjourned at 12.40 p.m.

JAWAPAN² BERTULIS KAPADA PERTANYAAN²

KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI

Komunis Di-sempadan Tanah Melayu-Thailand

1. Enche' Amaluddin bin Darus bertanya kepada Menteri Keselamatan Dalam Negeri sa-jauh mana-kah hingga ini Kerajaan telah berjaya menghapuskan komunis di-Sempadan Tanah Melayu-Thailand, sejak di-ishtiharkan hapus-nya Undang² Dharurat.

Menteri Keselamatan Dalam Negeri (Dato' Dr. Ismail): Dua puluh tujuh pengganas² Komunis telah pun diberhentikan daripada bertindak semenjak Undang² Dharurat di-batalkan. Kejayaan ini ada-lah di-sebabkan oleh kerjasama di-antara pasokan² Malaya/Thai di-Kawasan Sempadan.

KEMENTERIAN KERJA RAYA, POS DAN TALIKOM

Jambatan Temerloh

2. Enche' Amaluddin bin Darus bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom ada-kah Kerajaan sa-benar-nya tidak sedar bahawa kederaan ayer sungai Pahang itu demikian kuat, hingga jambatan Temerloh yang baharu siap itu telah rosak binasa sa-belum di-gunakan lagi. Jika Kerajaan sedar, bagaimana-kah Kerajaan membuat perhitongan sa-waktu jambatan itu akan di-buat.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Dato' V. T. Sambanthan): The Government Technical Officers responsible for the design of the new bridge across the Pahang River at Temerloh carried out a close study of the river over a period of 5 years, and had other records available to them covering a longer period. They were fully aware of the force of the river current, and the bridge was designed to withstand forces of much greater magnitude. From a preliminary examination, it appears that the bridge sustained no damage from the force of the current, but was undermined by scour resulting from an exceptional wall of debris which was brought down by a very rapid rise of

the river in the upper reaches. The rate of rise in the upper reaches was greater than any on record including the 1926 floods, and the flood level of the river at Temerloh was the third highest on record. Based on all the records available, the bridge was located at a level where it was considered to be safe from debris which is brought down by the river in the floods, but the experience in this particular flood has shown that this is not so.

All submersible bridges are subject to some damage during their life, and spare spans are usually kept alongside the bridge in order to restore damaged spans quickly when the flood waters have subsided. This is standard practice throughout the world, and the two largest submersible bridges in Malaya—the Noordin Bridge and the Jerreh Bridge—have such spare spans. Spare spans were also on order for the Temerloh Bridge.

3. Enche' Amaluddin bin Darus bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom ada-kah jambatan Temerloh itu telah di-serahkan kepada Kerajaan oleh kontrekter yang membena-nya, dan siapa-kah bertanggung jawab memperbaiki kerosakan itu.

Dato' V. T. Sambanthan: In accordance with the terms and conditions of contract, as work on the bridge progressed, it was measured and passed by the Resident Engineer, and a progress payment was made monthly. This had been carried out during the course of construction and, with the exception of a variation order for a deck surface, all work on the bridge had been satisfactorily completed. The final completion certificate had not been issued, as the deck surface, which was an extra to the contract, was still being applied.

As to who is responsible is under investigation by the Government in consultation with its Legal Advisers.

4. Enche' Amaluddin bin Darus bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom ada-kah kerosakan itu sa-kadar 160 kaki sahaja bagaimana yang di-beritakan oleh surat² khabar, atau pun kerana kesan dari kerosakan itu telah menjadikan seluruh bahagian²

yang maseh tinggal lagi itu tidak lagi chukup kuat dan terpaksa di-perbuat lain semua.

Dato' V. T. Sambanthan: The full extent of the damage is still unknown, as it has been impossible to send down divers to examine the bridge structure below water level owing to the continued swift flow of the river. From superficial inspection, it would appear that two adjacent spans have been displaced a few inches, but it is possible that they are undamaged.

5. Enche' Amaluddin bin Darus bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom ia-itu jika seluroh jambatan itu terpaksa di-perbuat lain, berapa-kah anggaran belanja-nya, dan jika hanya akan di-perbaiki sahaja, berapa-kah belanja-nya yang telah di-anggarkan.

Dato' V. T. Sambanthan: Since the bridge has been damaged in the first submersion which it sustained, even though the flood conditions were without precedent, the Technical Officers of Government are now considering whether the design of the bridge should be modified before it is restored in order to reduce the possibility of similar damage in freak flooding conditions in the years ahead. Until a decision is made on the nature of the modifications, if any, it is impossible to give an estimate of the cost of repairs.

KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Hadiah² Yang Di-beri Kapada Republik Vietnam

6. Enche' Amaluddin bin Darus bertanya kepada Menteri Luar ada-kah di-antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Republik Vietnam telah diadakan sa-barang perjanjian yang telah pernah di-tanda tangani bersama. Jika ada, sila terangkan.

Perdana Menteri: Persekutuan Tanah Melayu tidak mempunyai sa-barang perjanjian dengan Republik Vietnam.

7. Enche' Amaluddin bin Darus bertanya kepada Menteri Luar Negeri apa-kah sebab-nya Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu nampak-nya terlalu murah hati dengan menghadihkan

kereta² perisai dan lain² alat² senjata kapada Vietnam Selatan. Ada-kah pada masa² yang akhir ini Persekutuan Tanah Melayu telah atau akan menjadi anggota SEATO.

Perdana Menteri: Semasa Dharurat kelmarin, pasokan polis kita banyak menggunakan alatan² dan kereta² untuk melawan penganas² komunis. Oleh kerana Dharurat sudah tamat maka alatan² dan kereta² ini tidak kita gunakan lagi. Tetapi Kerajaan Republik Vietnam sekarang ini sedang menghadapi keadaan yang lebih kurang seperti keadaan Dharurat di-Persekutuan Tanah Melayu kelmarin. Jadi oleh kerana Kerajaan Vietnam memerlukan alat-perkakas yang ada dalam simpanan kita itu maka Kerajaan Persekutuan telah mengambil keputusan untuk menghadihkan alat-perkakas ini kapada Kerajaan Republik Vietnam.

2. Bagi bahagian yang kedua soalan ini, jawapan-nya, tidak.

8. Enche' Amaluddin bin Darus bertanya kepada Menteri Luar Negeri berapa-kah jumlah semua hadiah² itu, sila sebutkan satu persatu mengikut jenis²-nya. Dan terangkan berapa harga barang² itu semua-nya pada masa di-beli dahulu.

Perdana Menteri: Alatan² Polis yang telah di-hadihkan kapada Kerajaan Vietnam Selatan ada-lah seperti berikut:

(a) Shotguns 12 Bore Single Barrel	45,707
(b) Shotguns 12 Bore Pump Action	9,868
(c) Carbines	836
(d) Pistols Browning Automatic	450
(e) G.M.C. Armour Plated Personnel Carriers ..	364
(f) Lynx Scout Cars ..	241
(g) Lynx Armour Plated Personnel Carriers ..	6
(h) Wickham Trollies ..	30
(i) Signal Pistols	346

Hadiah ini termasuk peluru dan spare parts.

2. Alatan² ini berjumlah 11.8 million ringgit pada waktu di-beli-nya di-antara

tahun 1948 dan 1953 lebih kurang 11 tahun dahulu.

9. Enche' Amaluddin bin Darus bertanya kepada Menteri Luar Negeri ada-kah Kerajaan sedar bahawa perbuatan menghadiahkan barang² seperti itu ada-lah boleh melibatkan Persekutuan sa-chara langsung dalam kanchah pertentangan bangsa², terutama kerana Vietnam Selatan itu bersempadan dengan kawasan yang sedang bergelora pada masa ini.

Perdana Menteri: Kerajaan Persekutuan tidak menganggap bahawa pemberian barang² seperti ini akan melibatkan Persekutuan sa-chara langsung dalam pertentangan antara bangsa, kerana barang² yang di-beri bukan-nya alat² tentera dan bukan-nya untuk peperangan.

Wang Quarantine Orang² Haji

10. Tuan Haji Nik Mohd. Adeeb bin Haji Nik Mohamed bertanya kepada Menteri Luar ia-itu orang² haji Tanah Melayu semua-nya kena bayar wang quarantine, mengapa-kah tidak pernah di-pulangkan balek kepada mereka wang itu bila mereka tidak di-kenakan quarantine.

Perdana Menteri: Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak memungut sebarang bayaran quarantine, tetapi mengikut undang² Kerajaan Saudi Arabia tiap² sa-saorang yang sampai ka-Jajahan Saudi Arabia di-dalam musim Haji mesti-lah membayar chukai quarantine sa-banyak \$43. Tanggongan mengutip chukai ini terletak di-atas Sharikat² Kapal atau kapal terbang bagi Kerajaan Saudi.

11. Tuan Haji Nik Mohd. Adeeb bin Haji Nik Mohamed bertanya kepada Menteri Luar ada-kah wang quarantine yang di-kenakan kepada orang² haji itu di-dalam simpanan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Jika ia, untuk apa-kah wang itu telah di-gunakan.

Perdana Menteri: Wang quarantine itu tidak di-pungut atau di-simpan oleh Kerajaan Persekutuan.

12. Tuan Haji Nik Mohd. Adeeb bin Haji Nik Mohamed bertanya kepada Menteri Luar ia-itu sa-kira-nya wang itu

telah di-terima oleh Kerajaan Saudi Arabia, apa-kah sebab Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak bertindak menuntut kembali wang itu supaya di-bayar balek kepada orang² haji yang tidak kena quarantine.

Perdana Menteri: "Wang Quarantine" itu ada-lah satu chukai khas yang di-kenakan oleh Kerajaan Saudi pada tiap² orang yang bukan berwarga negara Saudi yang masuk ka-negeri-nya pada musim Haji. Wang itu bukan-lah untuk perbelanjaan quarantine. Mengikut undang² Saudi yang di-keluarkan baharu² ini "Chukai Quarantine" itu telah pun di-namai "Chukai Perkhidmatan Awam", dan sa-siapa yang masuk ka-negeri Arab pada musim haji hendak-lah membayar "Chukai Perkhidmatan Awam" sa-banyak M\$43.

13. Tuan Haji Nik Mohd. Adeeb bin Haji Nik Mohamed bertanya kepada Menteri Luar boleh-kah Kerajaan memberi jaminan ia-itu wang² yang telah di-bayar oleh orang² haji itu kerana maksud quarantine, tetapi mereka tidak kena quarantine, maka wang mereka itu akan di-pulangkan atau akan di-usahakan supaya dapat di-pulangkan kepada mereka.

Perdana Menteri: Wang yang di-bayar oleh orang haji itu ada-lah menjadi hasil negeri Saudi. Oleh itu tidak dapat-lah Kerajaan Persekutuan mengambil tindakan di-atas perkara ini.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Nama Port Swettenham Patut Di-Ubah

14. Enche' Amaluddin bin Darus bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah Kerajaan berchadang akan mengubah nama Port Swettenham, dimana terletak bandar pelabuhan yang hampir sa-kali dengan Ibu Kota Persekutuan dan sedang di-perbesarkan itu, daripada nama sekarang yang hanya untuk mengenang dan mengekalkan sejarah penjajahan kepada satu nama yang lebih besar dan menasabah sa-kali dengan sejarah negara ini. Jika tidak, harap terangkan sebab²-nya.

Menteri Pengangkutan (Enche' Sardon bin Haji Jubir): Pada masa ini Kerajaan belum ada chadangan mengubah nama

Port Swettenham. Memandang kepada banyak-nya perkara² yang lebeh penting lagi di-Port Swettenham pada masa ini, Kerajaan berasa bahawa soal mengubah nama ini tidak-lah boleh di-anggap sa-bagai satu soal yang patut di-utamakan.

15. Enche' Amaluddin bin Darus bertanya kepada Menteri Pengangkutan akan bersetuju-kah Kerajaan menggantikan nama Port Swettenham itu menjadi Tun Perak (Pelabuhan Tun Perak), sa-bagai kenangan terhadap sa-orang yang telah pernah diam di-sana, berkedudukan sa-laku Gabnor atau wakil Kerajaan Melaka bagi Daerah Klang di-zaman Sultan Melaka menjadi Bendahara, bergelar Bendahara Paduka Raja yang mashhor itu.

Enche' Sardon bin Haji Jubir: Jika dan apabila pada masa akan datang di-tetapkan bahawa soal nama baharu itu patut di-timbangkan, semua shor², daripada mana sekali pun datang-nya, akan di-timbangkan dengan saksama.

**Meminta Kemudahan Bagi Penumpang²
Keretapi Dari Pantai Timor Yang Hendak
Pergi Ka-Prai, Kedah Dan Utara
Tanah Melayu**

16. Tuan Haji Nik Mohd. Adeeb bin Haji Nik Mohamed bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah dapat keretapi Tanah Melayu berjalan terus dari Kelantan ka-Prai saperti dahulu melalui Siam supaya menyenangkan ra'ayat berulang alek, tidak lagi mesti mengambil Border Pass; jika boleh bila, dan jika tidak apa sebab-nya.

Enche' Sardon bin Haji Jubir: Ada-lah benar bahawa dahulu Keretapi Tanah Melayu ada menjalankan perkhidmatan-nya melalui Siam ia-itu manakala perhubungan terus ka-Kelantan mengikut jalan Keretapi Tanah Melayu belum ada, tetapi semenjak jalan Keretapi di-Pantai Timor siap di-bena, perkhidmatan itu telah di-batalkan. Walau bagaimana pun segala penumpang² pada masa itu ada-lah di-kehendaki mengambil Border Pass.

Keretapi Tanah Melayu tidak bermaksud hendak memulakan perkhidmatan itu oleh sebab pehak Keretapi Siam sekarang ini ada menjalankan

perkhidmatan-nya yang tertentu sambong menyambung dengan perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu dan penumpang² boleh berjalan dengan senang dan mudah antara Kelantan dan Prai.

17. Tuan Haji Nik Mohd. Adeeb bin Haji Nik Mohamed bertanya kepada Menteri Pengangkutan ia-itu jika tidak sementara ada jalan raya yang menghubungkan Kelantan-Perak, boleh-kah Kerajaan mengurangkan separoh tambang keretapi untuk orang² dari Pantai Timor, Kelantan dan Trengganu yang hendak pergi ka-Utara Tanah Melayu melalui Gemas-Kuala Lumpur saperti Kerajaan telah membuat terhadap orang² yang akan pergi ka-Mekah pada tahun ini.

Enche' Sardon bin Haji Jubir: Keretapi Tanah Melayu di-tadbirkan sechara perdagangan; oleh yang demikian tidak-lah boleh ia memberi tambang murah kepada orang² persaorangan kerana ini akan mendatangkan akibat yang tidak baik kepada seluruh susunan keretapi. Walau pun begitu, Keretapi Tanah Melayu sememang ada memberi tambang murah untuk pergi balek yang boleh di-gunakan di-dalam sa-bulan kepada rombongan² saperti berikut:

- (a) rombongan terdiri daripada 10 atau lebeh orang di-kenakan $1\frac{1}{2}$ bayaran sahaja;
- (b) rombongan terdiri daripada 50 atau lebeh orang di-kenakan $1\frac{1}{3}$ bayaran sahaja;
- (c) rombongan terdiri daripada 100 atau lebeh orang di-kenakan satu bayaran sahaja.

Bakal² haji di-beri tambang murah kerana ia berupa rombongan yang besar dan kerana perkara naik haji ini ia-lah satu perkara yang istimewa.

18. Tuan Haji Nik Mohd. Adeeb bin Haji Nik Mohamed bertanya kepada Menteri Pengangkutan ia-itu dalam beberapa tahun ini keretapi telah mengalami kerugian kerana kurang penumpang, maka dengan mengurangkan separoh tambang untuk bakal² haji dari Kelantan-Trengganu itu erti-nya satu galakan untuk ra'ayat memileh

keretapi dalam perjalanan-nya, yang demikian apa-kah sebab-nya tidak dapat di-buat seperti itu juga terhadap orang² lain dari Kelantan-Trengganu, terutama mereka yang akan menchari kerja di-musim potong padi di-Kedah dan menangkap ikan, untuk mengelakkan penderitaan mereka seperti yang telah di-terangkan dalam soalan saya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama.

Enche' Sardon bin Haji Jubir: Ada-lah tidak betul jika di-katakan bahawa Keretapi Tanah Melayu mengalami kerugian dalam beberapa tahun ini kerana kekurangan penumpang kerana pendapatan-nya bukan bergantung kepada penumpang² sahaja tetapi juga kepada barang². Kurang-nya pendapatan Keretapi dalam tahun 1958 ada-lah di-sebabkan oleh keadaan meleset di-dalam negeri ini. Semenjak tahun itu bilangan penumpang² telah bertambah. Walau bagaimana pun Keretapi Tanah Melayu sentiasa sedia menimbang soal mengurangkan tambang mengikut chara yang telah di-terangkan dalam jawapan kepada pertanyaan nombor 17.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN SHARIKAT KERJASAMA

Petani² dan Nelayan Kelantan yang pergi ka-Kedah kerana menchari kerja dalam musim tengkujuh

19. Tuan Haji Nik Mohd. Adeeb bin Haji Nik Mohamed bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama berapa-kah jumlah orang² dari Kelantan (petani dan nelayan) yang telah pergi ka-Kedah pada tiap² tahun kerana menchari pekerjaan memukol padi dan menangkap ikan.

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Enche' Abdul Aziz bin Ishak): Mengikut chatetan Pejabat Immigration daftar² kemasokan orang dari Siam ada di-simpan oleh Pejabat tersebut tetapi tidak-lah pula bagi kemasokan orang² dari Kelantan, yang bebas masuk ka-Kedah. Dalam pada itu pun, mengikut keterangan yang di-anggarkan oleh Pejabat Immigration, kemasokan

orang² dari Kelantan ka-Kedah ada-lah seperti berikut:

1958/59	..	5,819 orang
1959/60	..	7,436 ..
1960/61	..	10,181 ..

Tidak-lah di-ketahui sama ada orang² ini, petani² atau nelayan, dan ada-lah juga di-fikirkan orang² ini pergi ka-Kedah bekerja memukol padi.

Dan lagi ada-lah di-ketahui dalam musim tengkujuh yang sekarang ini lebeh kurang seramai 100 orang nelayan yang telah meninggalkan Pantai Timor untuk bekerja menangkap ikan di-Kedah dan Pulau Pinang. Kebanyakan daripada mereka itu (75 orang) ada-lah di-ketahui datang dari Tumpat. Sabanyak 14 orang nelayan dari Kelantan bekerja memasangkan bubu di-Kedah.

20. Tuan Haji Nik Mohd. Adeeb bin Haji Nik Mohamed bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-kah Kerajaan sedar bahawa petani² dari Kelantan banyak yang pergi ka-Kedah untuk memukol padi dan kembali sa-mula ka-Kelantan untuk mengerjakan sawah mereka, mengikut musim.

Enche' Abdul Aziz: Perkara ini memang sudah terma'alum bagi Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama kerana kalau tidak dengan pertolongan ini harus pekerjaan mengambil padi di-Kedah akan tergendala. Dan sebalik-nya ini-lah satu peluang bagi petani Kelantan menggunakan masa kelpangan mereka untuk menchari pencharian lain.

21. Tuan Haji Nik Mohd. Adeeb bin Haji Nik Mohamed bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-kah Kerajaan sedar bahawa nelayan² dari Kelantan dalam musim tengkujuh di-Pantai Timor, banyak yang pergi ka-Kedah khas-nya kerana mengambil upah menangkap ikan sehingga keadaan laut Pantai Timor tenang sa-mula.

Enche' Abdul Aziz: Kebanyakan nelayan² dari Kelantan dan tempat² lain juga di-Pantai Timor ada-lah di-ambil bekerja oleh 2 buah Sharikat

perikanan yang besar di-Pulau Pinang untok memasangkan bubu. Nelayan² itu pergi ka-Pulau Pinang tidak-lah khas-nya mengikut musim dan lazim-nya ramai nelayan² itu ada yang tinggal lama dan ada yang tinggal sakejap mengikut untong tidak-nya daripada kerja menangkap ikan itu.

22. Tuan Haji Nik Mohd. Adeeb bin Haji Nik Mohamed bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama jika Kerajaan sedar, maka ada-kah Kerajaan boleh membuat survey di-Kedah untok menentukan berapa banyak tenaga yang di-kehendaki menolong petani² di-Kedah dan lain² di-Utara Tanah Melayu menetam dan memukol padi mereka pada tiap² tahun dan menentukan kawasan² supaya jangan orang² dari Kelantan bila pergi di-sana bertumpu di-beberapa kawasan sahaja, sementara itu banyak kawasan lain yang tidak ada tenaga hingga merugikan petani² itu sendiri, demikian juga mengenai nelayan².

Enche' Abdul Aziz: Kawasan padi yang memerlukan pekerja² dalam musim menuai boleh di-katakan terkhas kepada negeri Kedah. Di-sini sa-luas 270,000 ekar padi di-tanam tiap² tahun. Masa menuai terhad kepada 60 hari sahaja kerana boleh di-katakan padi itu sama masak-nya dan dengan sebab itu memerlukan kaki-tangan yang lebeh banyak. Kalau di-kira 10 orang laki²/perempuan boleh menyiapkan satu ekar sa-hari maka ini memerlukan tenaga sa-banyak 45,000 orang. Dari sini dapat-lah di-ketahui bahawa kawasan padi di-Kedah terutama sa-kali, memerlukan tenaga luar hingga sampai 20,000 orang dalam musim menuai padi. Begitu juga jelas-lah bahawa tidak-lah lagi penting di-adakan survey kerana kedudukan soal ini telah pun di-ketahui.

Bagitu juga telah di-ketahui kawasan² yang berkehendakkan tenaga luar ini ia-itu:

di-daerah K. Star ..	120,378	ekar sawah
„ K. Pasu ..	68,116	„
„ Yen ..	34,023	„

Ada-lah sukar sedikit hendak di-tentukan berapa orang yang di-kehendaki dan di-mana yang hendak di-hantarkan kerana kawasan padi itu

sungguh pun luas tetapi di-mileki oleh beribu² petani yang berkehendak pekerja. Bagitu juga orang² Kelantan yang datang ka-Kedah bukan-lah datang-nya dengan berkumpul yang besar yang mudah di-serahkan ka-satu² kawasan. Sa-takat yang boleh di-jalakan, di-Kedah telah di-atorkan supaya kehendak² dari petani untok pekerja dari Kelantan itu di-beri tahu kepada Pejabat Daerah dan manakala pekerja² dari Kelantan tiba di-Kedah mereka ini di-arahkan oleh Pejabat Daerah ka-kawasan² yang berkehendakkan pekerja².

Berkenaan dengan nelayan² pula biasa-nya nelayan² yang datang dari Pantai Timor ada-lah di-kehendaki kerana kemahiran-nya membuat perangkap bubu dan memasangkan-nya. Selalu-nya mereka itu bebas boleh bekerja daripada satu Sharikat kepada satu Sharikat yang lain. Sa-benar-nya 14 orang nelayan dahulu-nya bekerja dengan Sharikat Ikan Hock Huat di-Pulau Pinang. Tetapi walau bagaimana pun keadaan yang sa-benar-nya ia-lah datang tidak-nya nelayan² ini ada-lah mengikut kehendak² khidmatannya. Oleh sebab Pulau Pinang itu sa-buah pangkalan yang mustahak bagi menjalankan bubu maka sa-jumlah yang besar daripada nelayan² yang datang ka-sana itu tertarek kepada kerja menangkap ikan.

23. Tuan Haji Nik Mohd. Adeeb bin Haji Nik Mohamed bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-kah Kerajaan sedar penderitaan ra'ayat yang berulang alek melalui Siam terutama masa mereka di-dalam kawasan Siam, jika Kerajaan sedar dan telah membuat penyiasatan, maka ada-kah Kerajaan berchadang membuat sa-suatu untok menolong mereka.

Enche' Abdul Aziz: Kerajaan tidak yakin bahawa ada-nya penderitaan² yang di-alami oleh pekerja² dari Kelantan dalam perjalanan mereka melalui Siam, tetapi harus mereka ini merasa kesukaran² berkenaan tempat perhentian dalam perjalanan kerana menunggu keretapi.

KEMENTERIAN KESIHATAN DAN KEBAJIKAN MASHARAKAT

Rumah Sakit Dungun

24. Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang bertanya kepada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat adakah beliau sedar bagaimana keadaan rumah sakit di-jajahan Dungun Trengganu yang sedang berada dalam keadaan bahaya dari pukulan ombak yang kuat dalam musim tengkujuh ini.

Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat (Dato' Ong Yoke Lin): Saya sedar atas akibat-nya di-Rumah Sakit Dungun dalam musim tengkujuh ini.

25. Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang bertanya kepada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat apakah langkah yang akan di-ambil bagi mengelak kehilangan jiwa dan harta benda yang mungkin akan menimpa di-atas rumah sakit itu.

Dato' Ong Yoke Lin: Tindakan telah pun di-jalankan oleh Pejabat Kerja Raya membena sa-buah benting daripada batu² chegar di-dalam kawasan rumah sakit itu dalam tahun 1960. Chara yang sudah di-lakukan itu di-akuī oleh Pejabat Kerja Raya berjaya mengelakkan daripada runtuhan tebing dalam tahun 1960. Satu benting lagi akan di-bena bagi menguatkan benting

yang ada itu. Dengan ada-nya langkah² yang di-perbuat ini, maka kehilangan jiwa dan harta benda tidak mungkin berlaku.

26. Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang bertanya kepada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat ia-itu memandang keadaan rumah sakit itu yang berupa lebeh menasabah lagi sa-bagai sa-buah bangsal dari sa-buah rumah sakit, tidak-kah Kerajaan berfikir sa-buah rumah sakit baharu yang sesuai dengan atoran rumah sakit patut di-adakan di-Dungun itu dalam tahun 1961 ini di-satu tempat yang menasabah.

Dato' Ong Yoke Lin: Di-pukul rata keadaan rumah sakit yang ada sekarang ini boleh-lah di-katakan memuaskan hati. Kementerian saya sedang berunding dengan Kerajaan Trengganu bagi menyediakan tapak lain untuk satu rumah sakit yang baharu bagi kemajuan yang akan datang.

27. Enche' Da Abdul Jalil bin Haji Awang bertanya kepada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat tidak-kah Kerajaan fikir perlu mengadakan satu benting (sea-wall) bagi menyelamatkan tapak rumah sakit itu daripada di-makan oleh ayer laut.

Dato' Ong Yoke Lin: Jawapan soalan ini ia-lah mengikut jawapan saya bagi soalan nombor 25 di-atas.